

NO. SOALAN: 113

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 26 MEI 2016

RUJUKAN : 9075

SOALAN:

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf Balai Polis Daerah Pitas ke Balai Polis penuh dan lengkap dengan pelbagai perkhidmatan berkaitan keselamatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Balai Polis Pitas beroperasi dengan keanggotaan seramai seorang pegawai berpangkat Inspektor dan 23 orang anggota pelbagai pangkat. Balai ini pada asalnya bertaraf sebuah pondok polis dan telah dinaik taraf perjawatannya kepada Balai Polis. Balai sedia ada terletak di atas tapak seluas 9 ekar dan mempunyai prasarana seperti berikut:-

- i. **Sebuah bangunan Balai Polis jenis batu yang dibina pada tahun 2009 di bawah Pakej Ransangan Ekonomi [PRE] dengan kos lebih kurang RM200,000.00; dan**
- ii. **Sebuah bangunan papan iaitu bangunan Pondok Polis dengan dua (2) unit rumah dan mula digunakan sejak tahun 2001.**

Projek menaiktaraf Balai ini telah disenaraikan dalam projek di bawah kendalian Syarikat Pembinaan BLT Sdn Bhd dengan kos siling sebanyak RM 17 juta dan dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2017.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 114

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status perancangan untuk menubuhkan Lembaga Pelabuhan Labuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab memastikan bahawa sebarang cadangan penubuhan sesuatu lembaga pelabuhan dinilai dan dianalisa dari sudut teknikal, fungsi, kewangan dan operasi serta lain – lain justifikasi – justifikasi yang dikemukakan di samping melihat faedah yang bakal diterima akibat cadangan penubuhan tersebut.

Dalam hal ini, perkara utama yang diambil kira dalam penubuhan sesuatu lembaga pelabuhan adalah aspek kewangan supaya lembaga pelabuhan yang bakal ditubuhkan mampu membiayai kos pengoperasian tanpa perlu bergantung kepada sebarang peruntukan daripada Kerajaan seperti mana lembaga – lembaga pelabuhan yang lain.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, selain daripada aspek kewangan, Kementerian juga perlu membuat perincian dan perbandingan berkenaan aspek perundangan samada terdapat keperluan mewujudkan akta baru untuk tujuan ini.

Di samping itu juga, dalam memastikan kawasan operasi dan aktiviti pelayaran yang selamat serta tidak mengganggu aktiviti perkapalan sedia ada, Kementerian perlu menilai dan membuat perincian aspek teknikal dan kawasan operasi serta fungsi penubuhan lembaga pelabuhan yang baru.

Oleh yang demikian, rancangan penubuhan satu lembaga pelabuhan di Labuan kini sedang dalam proses penilaian di peringkat Kementerian.